

# Dua pemimpin kanan MTUC tetap bertegas

UUM 24/12/02

**K**UALA LUMPUR 25 Dis. — Kedua-dua pemimpin kanan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) masing-masing bertegas dengan keputusan yang telah dibuat biarpun selepas dinasihati oleh Perdana Menteri agar menamatkan perebutan kuasa di antara mereka demi kepentingan ahli.

Bagi Presidennya, Senator Zainal Rampak, isu itu sebenarnya telah selesai berikutan keputusannya untuk terus menerajui MTUC sehingga mandatnya berakhir pada tahun 2004.

"Apa yang saya putuskan ini adalah atas kehendak ahli-ahli yang berkeras mendesak saya terus memimpin," tegas beliau.

Timbalannya, Mohamed Shafie BP Mammal pula masih menganggap kekecohan yang berlaku berpunca daripada tindakan Zainal yang tidak berpegang kepada janji yang telah dimeterai.

Jelas sekali, katanya, tindak-tanduk Zainal lambat laun akan mengagadai nasib kaum pekerja yang memerlukan pembealaan.

"Bila berlaku krisis kepimpinan ekoran kegagalan Zainal berpegang kepada janji, siapakah yang bakal menjadi mangsa keadaan, tentunya para ahli.

"Jika dalam hal lain beliau sedia mengambil pandangan pemimpin kanan, kenapa sekarang sebagai orang yang mencecutkan kontroversi, beliau membuat keputusan tanpa merujuk kepada sesiapa?" tegasnya.

Semalam Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengarahkan Zainal dan Mohamed Shafie menamatkan perebutan kuasa di antara mereka kerana

ia dibimbangi akan memberi kesan kepada hampir sejuta ahli MTUC.

Dr. Mahathir mengarahkan demikian setelah beliau yakin barisan pemimpin MTUC mampu menyelesaikan masalah yang melanda pertubuhan itu selepas Zainal membuat keputusan pada 21 Disember lalu untuk terus kekal menerajui MTUC.

Kekecohan timbul apabila Zainal membuat keputusan untuk terus menerajui MTUC sehingga mandatnya berakhir pada 2004, walaupun telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk menyerahkan kuasa kepada Mohamed Shafie pada 31 Disember ini.

Menurut Zainal, hanya mereka yang menghadiri majlis Aidilfitri Kesatuan Pekerja-Pekerja Pengangkutan (TWU) di Petaling Jaya pada hari itu yang tahu betapa tegasnya desakan yang dibuat sehingga ada yang sanggup berkata:

"Datuk sebagai seorang bapa boleh dianggap datus jika sanggup meninggalkan kami selaku anak-anak selepas 42 tahun Datuk memimpin kami."

Ditanya apakah arahan Dr. Mahathir itu akan membuka jalan ke arah meredakan krisis antara beliau dan Mohamed Shafie, Zainal berkata, memang patut benar ia dipatuhi.

"Namun bagi saya, ia sesungguhnya sudah selesai, terpulanglah kepada Mohamed Shafie untuk berbuat sesuatu yang boleh menyelamatkan keadaan daripada menjadi bertambah keruh," jelas beliau.

Bagaimanapun, tambah Zainal, beliau amat berterima kasih di atas keprihatinan Dr. Mahathir terhadap isu kepimpinan MTUC.

"Kenyataan Perdana Menteri bahawa beliau tidak mahu campur tangan kerana yakin pemimpin MTUC boleh menyelesaikannya sendiri juga amat dihargai," katanya.

Merujuk kepada persefahaman yang ditandatangani bersama dengan Mohamed Shafie pada 18 Februari lalu, beliau berkata, jika ia dikekalkan bermakna kepentingan ahli tidak diberi keutamaan.

Oleh itu, Zainal berharap agar beliau tidak di-

persalahkan kerana apa yang dilakukan adalah untuk kepentingan ahli yang menjadi tunjang perjuangannya.

Sebaliknya, tambah beliau, semua pihak harus memandang ke hadapan dan mengambil kira pelbagai tekanan yang dihadapi serta berusaha memberi khidmat yang sebaik mungkin demi kepentingan ahli-ahli MTUC.

Mohamed Shafie yang dihubungi di Mersing, Johor, pula berkata, beliau amat menghargai pandangan dan arahan Dr. Mahathir yang sungguh mengambil berat soal para pekerja.

Biarpun sibuk dengan pelbagai urusan lain, katanya, Perdana Menteri tetap menyuarakan pandangannya yang mahu melihat MTUC diterajui secara aman agar setiap isu yang diperjuangkan mencapai matlamatnya.

Menurut Mohamed Shafie, beliau tidak berniat menuding jari kepada sesiapa ekoran kemelut yang melanda sebaliknya beliau berasa amat kesal dan malu kepada para ahli.

"Kalau selama ini, saya dan Zainal selalu bekerjasama rapat demi kepentingan ahli, kenapa tiba-tiba Zainal perlu mengambil satu keputusan mengejut yang mengheret MTUC dalam krisis kepimpinan.

"Jika Zainal telah berpeluang membuat kenyataan mengejutnya pada 21 Disember lalu, saya juga merasakan perlu diberi kesempatan yang serupa. Oleh itu, nantikan sahaja tarikh 29 Disember ini untuk mengetahui apa yang akan saya luahkan," tegasnya.